

**MENINGKATKAN PENGUASAAN KEMAHIRAN ASAS BACAAN
MENGUNAKAN MODEL ” JARI JEMARIKU MENARI”.**

Pn Mazirah bt Abul Malik
Sekolah Kebangsaan Tanah Merah,
06700 Pendang, Kedah.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan melihat sejauh mana bahan bantu mengajar dapat membantu murid-murid pemulihan khas seramai 10 orang dalam menguasai kemahiran asas bacaan. Dalam penyelidikan ini, saya telah memperkenalkan kaedah kiraan jari serta perlambangan melalui model jari untuk membantu murid lebih mudah mengingat dan membatangkan suku kata serta membina rangkai kata dan ayat mudah. Kajian ini terdiri daripada lima aktiviti yang merangkumi beberapa kemahiran dan aspek mengikut konstruk LINUS. Kaedah kajian dijalankan menggunakan pemerhatian rekod, soal selidik, temu bual dan data saringan LINUS. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan dalam kemahiran membaca dan membina perkataan serta ayat mudah. Penyelidikan ini juga telah memotivasikan murid untuk lebih yakin membaca dan saya sendiri untuk lebih mempelbagaikan kaedah pengajaran. Pada kitaran seterusnya, kaedah ini boleh digunakan untuk perkataan diftong serta memudahkan murid membezakan suku kata yang hampir serupa. Selain itu, model jari ini juga boleh ditambah baik dan diaplikasikan pada mata pelajaran lain seperti Bahasa Inggeris dan Jawi menggunakan kaedah fonik dalam pembacaan. Manakala untuk Matematik boleh diaplikasikan pada tiga operasi asas iaitu tambah, tolak dan darab. Kesimpulannya, projek ” Jari Jemariku Menari ” bukan sahaja sesuai untuk murid pemulihan khususnya malah ia boleh dipraktikkan kepada murid pra sekolah dan murid berkeperluan khas amnya. Penggunaan bahan yang berwarna-warni dan mudah diguna pakai serta menarik minat murid untuk belajar dan bermain menjadikan pembelajaran di dalam kelas sangat bermakna.

VII. LATAR BELAKANG KJIAN / REFLEKSI MASA LALU.

Keputusan saringan LINUS menunjukkan purata konstruk yang dikuasai murid pemulihan ialah pada konstruk tiga kebawah dan masih belum mahir menguasai suku kata terbuka. Dari pemerhatian setelah empat bulan mengajar kelas tersebut dan melalui aktiviti yang dijalankan seperti temu bual, soal jawab lisan, penulisan dan saringan LINUS didapati mereka gagal menjawab soalan berpunca daripada ketidak cekapan murid menguasai kemahiran membaca seperti pengecaman huruf vokal dan konsonan, tidak membunyikan perkataan dengan betul dan tepat, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja serta sering meninggalkan perkataan dan suku kata yang mereka gagal bunyikan. Selain itu mereka juga mempunyai masalah dalam menjarakkan perkataan. Situasi ini telah menimbulkan kebimbangan semua pihak terutamanya pihak pentadbir, penjaga dan guru-guru.

Dari ujian diagnostik menunjukkan purata semua murid pemulih khas ini didapati masih belum boleh mengeja perkataan KVKV dengan baik. Ujian pra merupakan hasil ujian mereka. Hasil ujian menunjukkan murid –murid ini masih lemah dalam kemahiran KV dan KVKV. Pada ketika ini, saya belum memperkenalkan kaedah jari dalam pengajaran. Berdasarkan dapatan awal ini, menunjukkan mereka tidak boleh menyambung suku kata membentuk perkataan dan mengeja perkataan dengan betul.

Hasil kajian mendapati masalah ini berpunca daripada :

- I. Keupayaan berfikir yang rendah.
- II. Tidak dapat memberi tumpuan yang lama.
- III. Tidak boleh membaca perkataan yang melebihi dua suku kata.
- IV. Tidak memahami apa yang dibaca, iaitu bacaan tidak bermakna.

Sekiranya masalah ini berterusan, murid-murid merasakan satu tekanan berada di sekolah. Secara tidak langsung ia mewujudkan masalah sampingan seperti ponteng dan disiplin. Jika ia berlarutan hingga selepas alam persekolahan, mereka akan menjadi sumber kepada kepincangan masyarakat dan ketidakstabilan sosial.

VIII. ISU KEPERIHATINAN/ FOKUS KAJIAN

Dalam kajian saya ini, saya akan fokuskan pada murid yang lemah terutama murid pemulihan khas yang sememangnya tidak kuasai kemahiran asas bacaan. Semasa kajian di jalankan didapati masalah yang saya hadapi dalam membantu murid ini ialah

- Murid-murid ini kurang memberi tumpuan semasa pengajaran dan pembelajaran di jalankan.
- Kesukaran untuk mengenal dan mengingati bunyi huruf
- Kurang sokongan dan bimbingan dari keluarga dirumah.

Dari pemerhatian diatas dapat saya rumuskan bahawa perlu ada satu teknik yang sesuai yang boleh menarik perhatian murid yang sesuai dengan diri mereka bagi meningkatkan penguasaan kemahiran membaca dikalangan murid-murid sekolah rendah. Saya berasa amat bersalah sebagai seorang guru sekiranya saya tidak cuba melakukan sesuatu dalam menangani masalah ini dari berterusan.

IX. OBJEKTIF KAJIAN/TUJUAN KAJIAN

Objektif Umum

Membantu meningkatkan penguasaan kemahiran membaca di kalangan murid-murid pemulihan khas dengan lancar serta memupuk minat murid dalam budaya membaca di dalam kehidupan seharian.

Objektif Khusus

- 1) Memastikan 10 orang murid pemulihan khas boleh mengeja dan membezakan suku kata dengan betul.
- 2) Diakhir kajian 100% murid boleh membaca suku kata KV dan KVK dengan lancar.
- 3) Diakhir kajian 100% murid boleh membaca gabungan perkataan, rangkai kata dan ayat mudah dengan lancar.

- 4) Mengubah persepsi murid terhadap keupayaan diri, meningkatkan jati diri dan rasa tanggung jawab terhadap diri sendiri.
- 5) Mewujudkan interaksi mesra antara guru dan murid dan murid dengan murid secara dua hala.

X. KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran kajian ini ialah seramai 10 orang murid tahun 3 yang terdiri 8 lelaki dan 2 perempuan.

XI. PERANCANGAN DAN PERLAKSANAAN TINDAKAN

XII. TINJAUAN MASALAH

1) Pemerhatian

Saya telah menggunakan kaedah pemerhatian semasa dalam kajian ini di laksanakan. Semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan pemerhatian dapat di lakukan dalam aktiviti mengeja dan membaca secara individu dan juga dari semakan hasil kerja lembaran kerja.

2) Temubual

Kaedah lain yang saya gunakan ialah temubual secara tidak formal dengan guru-guru dan murid-murid yang terlibat dalam kajian ini.

3) Soal selidik murid

Borang soal selidik disediakan dan diedarkan kepada murid-murid untuk mengetahui maklumat yang berkaitan dengan sikap mereka terhadap bacaan. Borang ini diisi oleh murid-murid untuk mendapatkan maklumat yang tepat.

4) Ujian Pra

Ujian ini dijalankan pada awal sesi kajian yang diperoleh daripada ujian diagnostik untuk mengetahui ataupun menguji tahap penguasaan murid dalam kemahiran asas bacaan.

5) Ujian Pos

Ujian pos ini diperoleh daripada keputusan data saringan pertama bulan Mac bagi mengenalpasti samada kajian ini dapat mengatasi masalah membaca atau tidak.

VII. ANALISIS TINJAUAN MASALAH

1) Pemerhatian

Melalui pemerhatian yang telah dijalankan, saya dapati murid-murid ini tidak dapat mengecam dan mengingat semula suku kata yang dieja. Ini menyebabkan mereka lupa dan tidak dapat mencantumkan suku kata yang dieja membentuk perkataan. Selain itu, mereka juga kurang jelas

dengan bunyi huruf dan suku kata walaupun telah diulang berulang kali. Apabila menulis pula mereka akan melakukan kesalahan ejaan seperti mencampur huruf besar dan kecil, tidak menjarakkan perkataan dan meninggalkan huruf dalam perkataan. Pendapat saya, satu tindakan perlu dilakukan untuk mengatasi masalah ini.

2) Temubual

Hasil dari temubual yang dijalankan, guru-guru menyatakan bahawa murid kurang beri perhatian dan tumpuan semasa pengajaran dalam kelas dijalankan. Murid tidak serius belajar dan banyak bermain dan buat kerja lain semasa guru mengajar. Didapati dari hasil temuabual dengan murid bahawa mereka tiada dapat bantuan dan bimbingan semasa di rumah. Mungkin kerana 80% dari murid-murid adalah golongan murid yang agak susah taraf hidupnya dan ibubapa yang tidak berpelajaran tinggi. Hasil temu bual daripada kumpulan sasaran, saya dapati semua (100%) murid kurang minat mata pelajaran Bahasa Melayu. Mereka (100%) mengatakan mereka tidak berupaya mengecam bunyi huruf dan suku kata menggunakan kaedah fonik dengan alasan terlalu susah, banyak sangat dan mudah lupa. Lapan orang (60%) mengatakan teknik bacaan yang mereka pelajari sangat membosankan.

3) Soal Selidik


Jadual 1: Soal Selidik Berkaitan Bahasa Melayu dan Kemahiran Membaca

1. Data temubual dan soal selidik

SIKAP TERHADAP BACAAN	ANALISA SIKAP			
	BIL SEBELUM KAJIAN		BIL SELEPAS KAJIAN	
	YA %	TIDAK %	YA %	TIDAK %
Sukakah kamu membaca	1/10 20		10/10 100	
Adakah membaca itu seronok	1/10 20		10/10 100	
Adakah pelajaran bacaan paling kamu minat	1/10 20		10/10 100	
Adakah kamu pandai membaca		10/10 100	10/10 100	
Sukakah kamu mendengar orang membaca	1/10 10		10/10 100	

SIKAP TERHADAP BACAAN	ANALISA SIKAP TERHADAP BACAAN			
	SEBELUM KAJIAN		SELEPAS KAJIAN	
	YA	TIDAK	YA	TIDAK
	Minat belajar	2/10 100		10/10 100
Suka mata pelajaran Bahasa Melayu	1/10 10		8/10 80	
Keyakinan diri	1/10 10		7/10 70	
Minat untuk membaca	2/10 20		8/10 80	
Minat untuk menulis	4/10 40		8/10 80	

Melalui kaedah ini, kumpulan sasaran merasakan diri mereka lebih dihargai dan secara tidak langsung telah berjaya meningkatkan keyakinan diri mereka. Malahan semangat ingin berjaya yang ditunjukkan oleh mereka amat mengagumkan. Perubahan sikap yang positif kepada kumpulan sasaran turut membantu kejayaan mereka. Oleh yang demikian, wujudlah suasana P&P yang lebih menyeronokkan. Kumpulan sasaran juga lebih berminat untuk menyertai setiap aktiviti yang dijalankan kerana mereka memahami apa yang dipelajari.




Secara tidak langsung, masalah keciciran dapat dikurangkan setelah guru dapat mengenal pasti masalah pembelajaran murid dan menarik minat mereka untuk belajar. Berdasarkan data yang diperoleh, kebanyakan murid tidak hadir ke sekolah pada awal tahun persekolahan di mana sesi program ini mula dijalankan.

4) Ujian Pra dan Ujian Pos

Dapatan dari ujian Pra bahawa murid semua murid yang dalam kajian telah gagal dalam ujian tersebut, namun setelah sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan menggunakan kaedah ini terdapat peningkatan terhadap pencapaian ujian Pos yang dijalankan keatas murid tersebut.

Jadual 2: Pencapaian Murid-murid Pemulihan khas Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos

BIL	MURID	PRA	POS
1	A	1	7
2	B	2	12
3	C	2	12
4	D	2	12
5	E	3	12
6	F	3	12
7	G	2	7
8	H	2	7
9	I	3	9
10	J	3	7



Dapatan daripada kajian yang dijalankan terbukti menunjukkan kaedah pembelajaran mengikut kemahiran atau konstruk dapat meningkatkan penguasaan kemahiran bacaan

sasaran secara positif. Kenyataan ini dapat dikukuhkan lagi dengan perbandingan keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos yang telah dijalankan ke atas mereka. Data daripada Ujian Pra diperolehi daripada ujian diagnostik manakala Ujian Pos diperolehi daripada keputusan saringan pertama bulan Mac. Selain itu, ia turut meningkatkan keyakinan diri murid untuk terlibat dalam proses P&P. Hasil dari Ujian Pos yang telah dijalankan terhadap kumpulan sasaran dapat menjelaskan bahawa kaedah pembelajaran Masteri yang cuba diterapkan oleh pengkaji menampakkan hasil yang membanggakan.

VIII. TINDAKAN YANG DI JALANKAN

Aktiviti Perlaksanaan yang telah dijalankan.

MODEL 1 : KENAL HURUF (Kedudukan Huruf)

1. Murid diperdengarkan nyanyian lagu "A,B,C" sambil menggerakkan jari satu persatu bermula dari arah tangan kiri ke tangan kanan (seperti gerakan menekan piano).

2. Bermula dengan huruf :

- a. A = jari kelingking
- b. B = jari manis
- c. C = jari hantu
- d. D = jari telunjuk
- e. E = ibu jari
- f. Sambung tangan kanan F = ibu jari
- g. G = jari telunjuk
- h. H = jari hantu
- i. I = jari manis
- j. J = ibu jari
- k. Ulang semula ke tangan kiri K = jari kelingking
- l. L = jari manis
- m. M = jari hantu
- n. N = jari telunjuk
- o. O = ibu jari



MARI MENGENAL HURUF

- p. Sambung tangan kanan P = ibu jari
- q. Q = jari telunjuk
- r. R = jari hantu
- s. S = jari manis
- t. T = ibu jari
- u. Ulang semula ke tangan kiri U = jari kelingking
- v. V = jari manis
- w. W = jari hantu
- x. X = jari telunjuk
- y. Y = ibu jari
- z. Sambung tangan kanan Z = ibu jari

(LATIHAN PENGUKUHAN : Murid menyusun kad huruf di model jari dan model “ Jom Kenal Huruf “.)


REFLEKSI :

Pendedahan murid melalui lagu “ A,B,C “ sambil menggerakkan jari secara tidak langsung membantu otak murid untuk bekerja dan berfikir secara kritis dan kreatif. Pergerakan jari membantu mereka menyusun huruf, mengingat dan mengecam kedudukan huruf. Teknik ini mengurangkan murid untuk mencari semula huruf yang jarang dikenali pada carta atau buku di dalam kelas. Mereka hanya akan mengingat konsep ini melalui gerakan jari semula. Bagi mengukuhkan lagi pemahaman mereka dengan huruf ini saya telah menambahkan aktiviti pengayaan dengan memadankan semula huruf kecil dan

huruf besar bersama. Pengulangan aktiviti ini membantu murid untuk bergerak pantas dalam berfikir.

MODEL 2 : LITERASI EJAAN / KAEDAH FONIK (BUNYI HURUF) UNTUK SUKU KATA KVK

1. Murid menggunakan sarung tangan yang disediakan. Boleh menggunakan salah satu tangan (Tangan kanan untuk murid kidal dan tangan kiri untuk murid normal).
2. Tangan yang tidak menggunakan sarung digunakan untuk menulis.



3. (Contoh :Tangan kanan untuk murid yang menulis tangan kidal)
4. Kad perkataan KVK diberi contoh : “PEN”.
5. Penggunaan hanya 3 jari sahaja (ibu jari, jari telunjuk dan jari hantu). 2 jari ditutup kemas (jari kelingking dan jari manis).
6. Eja perkataan “PEN” mengikut jari satu persatu. Atau menggunakan kaedah fonik (bunyikan huruf) untuk mencantumkan bunyi huruf menjadi perkataan. Contoh : “p”, “ee” dan “nn”.

(LATIHAN PENGUKUHAN :)

1. Gunakan perkataan lain untuk latihan mengeja.
2. Latih tubi melekatkan huruf yang dieja.
3. Latih tubi menulis semula di atas model jari.

REFLEKSI :

Pada awal terciptanya model ini disebabkan oleh keseluruhan murid pemulihan saya mempunyai masalah mengeja suku kata KVK. Kebanyakan mereka tidak mempunyai masalah membaca suku kata KV namun apabila dicantumkan huruf konsonan menjadi suku kata KVK, mereka gagal dan keliru membunyikan secara fonik. Walaupun pada dasarnya mereka telah mengetahui bunyi huruf konsonan dan vocal tersebut. Dengan penggunaan tiga jari ini mereka akan lebih fokus mengeja dan membunyikan huruf secara fonik dengan konsisten. Secara tidak langsung mereka akan mengeja, membunyikan suku kata KVK sambil menulis. Teknik ini telah memudahkan murid untuk mengingat dan kebanyakan murid pemulihan (80%) ini telah menguasai kemahiran ini. Saya juga telah mempelbagaikan aktiviti dengan menambah ejaan suku kata KVKK dengan menggunakan empat jari. Walau bagaimanapun, teknik ini perlu di lakukan setiap masa supaya murid tidak lupa apabila mencantumkan suku kata tertutup. Untuk itu, saya telah memberikan latih tubi kepada murid-murid yang telah mahir menggunakan tiga jari dengan mengeja suku kata atau membaca suku kata KVK menggunakan telur KVK yang telah saya ciptakan.

MODEL 3 : LITERASI UNTUK SUKU KATA TERBUKA KVKV dan KVKVKV



PENGGUNAAN MODEL :

1. Diberi perkataan dari suku kata terbuka. Contoh:

meja

kereta

2. Cantumkan kad suku kata pada setiap jari yang disediakan. Bermula dari arah kiri. Tangan kiri untuk satu perkataan. Tangan kanan untuk perkataan yang lain.
3. Contoh : Tangan kiri untuk perkataan “meja” dan tangan kanan untuk kereta”.
4. Menyebut semula perkataan yang telah dibuat.
5. Ulang semula dengan perkataan yang lain.

(LATIHAN PENGUKUHAN :)

1. Latih tubi menulis semula di atas model jari.

2. Boleh diguna pakai untuk perkataan KVKVK, KVKKVK, KVKVKK

REFLEKSI :

Teknik ini diajar setelah murid pemulihan khas saya mahir suku kata terbuka dan tertutup. Di dalam aktiviti ini mereka hanya perlu membezakan dan mencantumkan suku kata KV pada setiap setiap jari yang diwakilkan. Mereka akan membaca dan membunyikan suku kata pada setiap jari menjadi perkataan bermakna. Aktiviti ini tidak memberi masalah kepada murid malah mereka akan lebih kerap membina suku kata sendiri tanpa bimbingan guru. Setelah mahir menggunakan model ini, mereka didedahkan dengan menulis semula pada jari yang telah disediakan dan mereka akan menulis semula perkataan yang dibina secara latihan pengukuhan. Teknik ini secara tidak langsung membantu murid membina dan menulis perkataan dengan mengurangkan kesalahan ejaan dan tertinggal huruf atau suku kata.

MODEL 4 : LITERASI BACAAN UNTUK RANGKAI KATA.



PENGGUNAAN MODEL :

1. Diberi rangkai kata. Contoh:

baju kebaya

2. Cantumkan kad suku kata pada setiap jari yang disediakan. Bermula dari arah kiri jari.
3. Tinggalkan satu jari ditengah perkataan baju dan kebaya bagi menunjukkan kepada murid terdapat jarak antara satu perkataan dengan perkataan lain.
4. Membaca semula rangkai kata yang telah dibuat.
5. Ulang semula dengan rangkai kata yang lain.

(LATIHAN PENGUKUHAN :)

1. Latih tubi menulis semula di atas model jari.

REFLEKSI :

Rangkai kata dimulakan dengan suku kata terbuka. Murid mudah membaca mengikut jari dimana fokus yang utama ialah menjarakkan perkataan semasa menulis. Pada mulanya murid saya tidak menjarakkan perkataan dan ia menjadi masalah apabila menulis mereka akan menulis perkataan tanpa jarak. Selepas teknik ini diajar pembacaan mereka semakin lancar dan tulisan mereka juga kemas. Ini dapat dilihat setelah mereka melakukan latih tubi menulis rangkai kata pada nota jari yang disediakan. Kemudian mereka akan menulis semula ayat pada lembaran kerja masing-masing. Saya juga dapat menyemak dengan cepat

jika terdapat kesalahan ejaan pada nota jari tersebut. Setelah mereka mahir menggunakan model jari mereka hanya perlu gerakkan jari mereka sendiri apabila membaca rangkai kata dan semasa mereka membina dan menulis rangkai kata supaya mereka tidak tertinggal suku kata.

MODEL 5 : LITERASI BACAAN UNTUK AYAT MUDAH



PENGGUNAAN MODEL :

1. Diberi ayat mudah . Contoh:

Katak suka lompat

2. Cantumkan kad suku kata pada setiap jari yang disediakan. Bermula dari arah kiri jari.

3. Tinggalkan satu jari ditengah-tengah antara perkataan bagi menunjukkan kepada murid terdapat jarak antara satu perkataan dengan perkataan lain.
4. Membaca semula ayat mudah yang telah dibuat.
5. Ulang semula dengan ayat mudah yang lain.

(LATIHAN PENGUKUHAN :)

1. Latih tubi menulis semula di atas model jari.
2. Latih tubi menulis semula di atas lembaran kerja.

REFLEKSI :

Murid yang telah menguasai suku kata terbuka dan tertutup boleh terus melalui proses membaca dan membina ayat mudah. Pada andaian saya, murid yang telah mahir membaca dapat membina dan menulis dengan tepat. Namun setelah dibuat latihan imlak ayat mudah terdapat pelbagai kesalahan murid yang telah dilakukan. Antaranya ialah tertinggal huruf, kesalahan ejaan, tiada jarak antara perkataan, huruf besar dan noktah tidak diambil kira. Setelah model jari ini diperkenalkan kepada mereka, perkara pertama yang diajari ialah memastikan tiada kesalahan pada setiap jari suku kata. Semua kesalahan yang telah mereka lakukan sebelum ini telah dapat diatasi dan cara penulisan mereka juga kemas. Selain itu, mereka juga dapat membaca ayat dengan lancar dan cepat tanpa perlu mengeja semula. Namun tidak dinafikan terdapat segelintir murid yang mempunyai ingatan jangka pendek. Walau bagaimanapun, mereka ini diberi lebih motivasi dan perhatian berbanding rakan yang lain dengan memberi pendedahan kepada ayat-ayat yang sangat mudah mereka fahami.

IX. DAPATAN KAJIAN

Pencapaian atau kejayaan yang di perolehi dari kajian yang dijalankan dengan penggunaan Model ” Jari Jemariku Menari”.

- 1) Kajian di buat dari 18 Januari hingga 7 April 2016 pada *10 orang murid lemah dan pemulihan khas* tahun 3 menggunakan soalan ujian Pra dan Ujian Pos seperti dalam lampiran 1 dan dijalankan di kelas Pemulihan Khas saya didapati 9 orang telah menguasai kemahiran membaca menggunakan teknik ini dengan baik. Hanya seorang yang perlu lebih banyak latihan untuk memahirkan diri dalam penggunaan teknik ini disebabkan mempunyai masalah pertuturan iaitu pelat yang berkemungkinan menyebabkan beliau agak sukar untuk mengecam suku kata . Mereka dilihat amat seronok apabila menggunakan model ini. Disini kita boleh lihat seandainya murid pemulihan boleh kuasai teknik atau kaedah ini apatah lagi murid- murid di arus perdana.
- 2) Melalui teknik ini saya dapat melahirkan rasa berkeyakinan dalam diri murid untuk belajar serta menarik minat murid terhadap budaya membaca.
- 3) Teknik ini memerlukan kos hanya untuk membina replika atau model jari supaya ia cantik dan mesra pengguna , sama ada membuat

cetakan saiz A3, banner atau dengan manila kad sendiri serta menjimatkan masa malah murid boleh bina sendiri pada kertas biasa A4 menggunakan tangan masing-masing semasa pembelajaran di dalam kelas. Setelah murid mahir menggunakan model ini mereka hanya menggunakan simulasi dengan menggerakkan jari sebagai lambang suku kata yang mereka inginkan. Manakala bagi pengajaran pula saya hanya menggunakan slaid power point. Ini dapat mengurangkan lagi kos bahan.

- 4) Bagi pihak guru pula, kaedah ini amat mudah di terangkan dan murid jadi berminat untuk belajar membaca dan menulis.
- 5) Di samping itu, dengan menggunakan teknik kad "Pola Nombor" kita boleh terapkan nilai murni bila orang miskin perlu dibantu atau nilai tolong menolong sesama manusia.

Pemerhatian

Dari pemerhatian saya sepanjang pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan keatas 10 orang murid tahun 3 dengan menggunakan model " Jari Jemari Menari", didapati mereka amat berminat dan seronok mempelajari asas bacaan menggunakan jari. Keyakinan mereka juga amat memberangsangkan. Mereka berlumba-lumba ingin menjawab setiap soalan yang diajukan pada mereka.

Mereka juga kelihatan gembira kerana menguasai kemahiran membaca ini dengan baik.

X. REFLEKSI

- 1) Menjadi seorang guru memerlukan perhatian yang lebih kepada murid-muridnya bukan hanya kepada pelaksanaan p&p sahaja, malah sentiasa menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran untuk menjadikan proses pengajaran itu lebih kreatif dan menyeronokkan. Disamping itu, ianya boleh menjadi satu inovasi atau perkongsian untuk guru yang lain. Pada masa yang sama ianya memantapkan diri saya dalam menyampaikan p&p di bilik darjah.
- 2) Aktiviti secara permainan ini dapat mengeratkan lagi hubungan mesra guru dan murid. Murid tidak lagi takut dan segan untuk menyebut perkataan sambil bermain. Perasaan ini perlu terus dipupuk pada kemahiran bacaan yang lebih tinggi seperti membaca diftong, diagraf berganding dan bacaan ayat. Dengan ini saya telah menanamkan keyakinan diri dan merasakan diri mereka berguna dan dihargai.
- 3) Selain itu, respons baik yang diberi oleh mereka terhadap P&P secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan guru. Ini adalah kerana setiap aktiviti yang dirancang dapat diikuti dengan penuh minat.

XI. CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

1) Berdasarkan kepada peningkatan prestasi yang ditunjukkan oleh semua responden, maka saya berhasrat untuk mengembangkan lagi kajian ini untuk mengeja perkataan atau kemahiran yang lain contohnya mengeja perkataan diftong dan digraf. Kaedah yang saya gunakan juga memudahkan murid membezakan suku kata yang hampir serupa misalnya KVK KVK dan KVK KVKK dimana murid-murid pemulihan menghadapi masalah untuk memproses dan menganalisis maklumat.

2) Cadangan kedua ialah menambah baik model jari yang ada untuk diaplikasikan pada mata pelajaran yang lain seperti Bahasa Inggeris dan Jawi kerana sistem dan kaedah pengajarannya yang sama iaitu menggunakan kaedah fonik dalam pembacaan. Manakala untuk mata pelajaran Matematik pula diaplikasikan untuk empat operasi asas iaitu tambah, tolak, darab dan bahagi. Saya telah menggunakan inisiatif ini dengan mengaplikasikannya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran matematik iaitu asas tambah, tolak dan darab sahaja.

3) Inovasi ini berpotensi untuk disebar luas projek “ Jari Jejariku Menari” bukan sahaja sesuai untuk murid pemulihan khas khususnya malah ia boleh dipraktikkan kepada murid pra sekolah dan murid berkeperluan khas amnya. Penggunaan bahan yang berwarna-warni dan mudah diguna pakai serta menarik minat murid untuk belajar dan bermain menjadikan pembelajaran di dalam kelas sangat bermakna.

XII. RUJUKAN

Abu Zahari Abu Bakar (1988), Memahami Psikologi Pembelajaran.

Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib. (1998). Pengajaran Dalam Bilik

Darjah Kaedah dan Strategi. Masa Enterprise. Kajang.

Selangor.

Mok Soon Sang. (1995). Asas Pendidikan I: Pedagogi Sebagai Suatu

Proses. Terbitan Kumpulan Budiman Bhd. Kuala Lumpur.

Sharifah Alwiah Alsagoff (1984), Teknologi Pengajaran, Kuala Lumpur :

Dewan Bahasa dan Pustaka.

XIII. LAMPIRAN



Gambar 1 : Pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas pemulihan menggunakan slaid power point.



Gambar 2 : Murid mengeja perkataan menggunakan tiga jari.



Gambar 3 : Murid membina dan membaca suku kata KVKV dan KVKVKV.



Gambar 4 : Murid membina dan membaca rangkai kata.



Gambar 5 : Murid membina dan membaca ayat mudah.



Gambar 6 : Murid menulis pada nota jari.






Gambar 7 : Murid menulis pada lembaran kerja.



Gambar 8 : Latihan pengukuhan.

HASIL KERJA MURID



CONTOH LEMBARAN KERJA

